

03 SEP 1997

Umno-S46

PERMOHONAN BERKELOMPOK BEKAS S46 MASUK UMNO SELESAI, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Sebanyak 81,144 bekas anggota parti Melayu Semangat 46 yang memohon memasuki Umno secara beramai-ramai, telahpun diterima menjadi anggota parti, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

Dengan kemasukan mereka, jumlah anggota Umno sehingga 1 Sept ialah 2,765,367 orang.

"Dengan itu permohonan secara beramai-ramai bekas anggota S46 memasuki Umno yang dibuat pada 6 Okt lepas telahpun selesai," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "Amanat Presiden" setebal 1,000 muka surat.

Buku sebanyak dua jilid itu yang mengandungi amanat Yang Dipertua/Presiden Umno sejak tahun 1946 hingga 1996 dijual pada harga RM250, buku Bahasa Melayu termahal di negara ini.

Sabbaruddin berkata bekas anggota S46 yang diterima masuk Umno secara beramai-ramai itu adalah daripada kira-kira 197,000 permohonan yang dibuat selepas pembubaran parti berkenaan Oktober lepas.

"Bakinya kira-kira 65,000 borang permohonan tidak lengkap dan tidak dapat diproses oleh komputer.

"Ada juga yang mengemukakan borang permohonan telahpun sedia menjadi anggota Umno dan banyak juga pemohon (setelah diselidiki) didapati tidak ingin menjadi anggota Umno," katanya.

Mengenai Perhimpunan Agung Umno Jumaat ini yang akan didahului dengan Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita esok, Sabbaruddin berkata: "Semuanya telah siap sedia."

Beberapa perjumpaan sebelum perhimpunan agung diadakan hari ini dimulai dengan perjumpaan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pegawai penerangan parti pada tengah hari.

Pada sebelah petang perjumpaan Presiden Umno Datuk Seri Mahathir Mohamad dengan ketua bahagian, ketua penerangan bahagian, setiausaha bahagian, anggota-anggota Majlis Tertinggi, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita diikuti dengan penerangan mengenai aturcara mesyuarat.

Sabbaruddin berkata tiga usul akan dibentang dan diperbahaskan pada perhimpunan agung kali ini - usul ucapan dasar presiden, usul agama dan usul ekonomi/pendidikan/sosial. -- BERNAMA

SJA RON